

Kajian semula SSB akan dikemukakan kepada PM

UM 22 MAR 2002

PUTRAJAYA 21 Mac - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengemukakan hasil kajian semula Skim Saraan Baru (SSB) kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi pertimbangan kerajaan tidak lama lagi.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman berkata, pada masa ini JPA sedang mengkaji cadangan balas mengenai perkara itu seluas diserahkan oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) sebelum ini.

"Cadangan balas ini akan dikemukakan kepada kerajaan selepas JPA membincangkannya semula dengan Cuepacs," katanya mengulas mengenai perkembangan kajian semula JPA terhadap skim itu.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan dwi-tahunan kelima Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) Am/Sokongan di sini, hari ini.

SSB mula diperkenalkan oleh kerajaan pada 1992 tetapi pelaksanaannya banyak menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan kakitangan awam.

Antara perkara yang menimbulkan ketidakpuasan itu adalah kenaikan gaji dan pangkat yang kadang kala tidak berdasarkan prestasi tetapi pilih kasih atau siapa yang paling disukai oleh pegawai-pegawai atasan.

Ini telah mendorong JPA melakukan semakan semula terhadap sistem itu dan mengemukakan beberapa pendekatan baru bagi memperbaiki kelemahannya.

Sehingga kini JPA mempunyai kira-kira 960,000 kakitangan di seluruh negara yang telah menikmati penyetaraan gaji sebanyak 10 peratus pada 2001 dan 2002.

Sebelum itu dalam ucapannya, Samsudin berkata, kajian semula mengenai perkara itu telah dimulakan oleh JPA pada pertengahan tahun lepas dengan melibatkan perbincan-

ngan bersama Cuepacs.

Menurut beliau, kebanyakan isu yang dikemukakan oleh Cuepacs telah pun diambil kira dalam kajian semula itu.

Jelasnya, JPA telah mengemukakan laporan awal kajian SSB itu kepada Dr. Mahathir selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Perjawatan dan Gaji Pekerja-Pekerja Sektor Awam pada 31 Januari lalu.

"Atas saranan Perdana Menteri, beberapa perkara tertentu sedang dikaji semula manakala JPA dan Cuepacs perlu berbincang semula," katanya.

Samsudin berkata, beliau percaya JPA akan dapat menyelesaikan kajian itu secepat mungkin bagi membolehkan ia dikemukakan kepada kerajaan dengan kadar segera.

"Saya berharap anggota perkhidmatan awam dapat bersabar menunggu hasil kajian kedua ini sebelum diserahkan kepada Dr. Mahathir untuk pertimbangan kerajaan," katanya.